

UMS rancang kerjasama dengan TLDM dalam perubatan laut dalam

UB 20.1.2018 A2

Oleh SURAIDAH ROSLAN


KOTA KINABALU: Universiti Malaysia Sabah (UMS) melihat kemungkinan untuk menjalin kerjasama bersama Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dalam bidang perubatan laut dalam pada masa akan datang.

Naib Canselor UMS Prof Datuk Dr D. Kamarudin D. Mudin berkata, apabila Hospital Pengajar UMS siap pada 2021, mereka akan menjalin kerjasama dengan Hospital TLDM Sepanggar yang mempunyai kepakaran berkaitan perubatan laut dalam.

Katanya, hospital yang dijangka siap dalam tempoh tiga tahun itu akan menempatkan 400 katil.

Menurutnya, itu antara bidang yang dilihat mereka boleh bekerjasama dengan TLDM.

Di samping itu UMS juga akan mengenalpasti bidang lain yang boleh dilakukan secara bersama dengan TLDM termasuklah



KAMARUDIN (kiri) menyampaikan cenderamata kepada Kamarulzaman selepas selesai ceramah perkongsian ilmu berkenaan.

interaksi akademik yang boleh memberi manfaat kepada kedua-dua pihak.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Perkongsian Panglima TLDM Laksamana Tan Sri Ahmad Kamarulzaman Ahmad Badaruddin, di sini pada

Jumaat.

Mengenai perkongsian ilmu itu Kamarudin berkata, usaha mentransformasikan TLDM yang dilakukan memberi inspirasi kepada UMS supaya terus melakukan perubahan untuk menjadi organisasi yang dinamik.

Ia akan merealisasikan hasrat UMS untuk menjadi 'Smart Eco University 4.0' pada masa akan datang.

Sementara itu Ahmad Kamarulzaman berkata, perkongsian tentang langkah penjimatan yang dilakukan dalam TLDM ini harus dilakukan oleh agensi kerajaan lain.

Katanya, agensi kerajaan perlu meneroka peluang untuk melakukan penjimatan serta meningkatkan produktiviti dan kecekapan.

Berkaitan aspek keselamatan, TLDM akan terus meningkatkan keupayaan di pangkalan TLDM Sepanggar melalui penambahan beberapa kapal termasuklah kapal KD Selangor yang akan tiba pada hari ini (20 Januari).

Katanya, tanggungjawab menjaga keselamatan negara bukan terletak kepada agensi penguatkuasa semata-mata sebaliknya, semua orang harus menyumbang kepada keselamatan negara.